

KEBERKESANAN PROGRAM KELAYAKAN PROFESIONAL PEMIMPIN PENDIDIKAN KEBANGSAAN (NPQEL 2.0) – KERTAS KONSEP

Noraisah binti Md Yusof

Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia

Profesor Madya Dr. Rohaila binti Yusof

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan atau NPQEL membuat satu reformasi dalam pelaksanaan latihan daripada berasaskan pengetahuan kepada latihan berasaskan kompetensi yang bersifat lebih futuristik. Latihan NPQEL versi 2018 atau NPQEL 2.0 menumpukan kepada pembangunan 10 kompetensi pemimpin pendidikan berdasarkan kepada definisi Pemimpin Berprestasi Tinggi iaitu pemimpin berwawasan, mampu membawa perubahan yang berimpak tinggi ke arah kecemerlangan organisasi dan berketerampilan personal dan profesional. Manakala kaedah penyampaian latihan menggunakan model pembelajaran dan pembangunan 70:20:10. Adakah reformasi pelaksanaan latihan ini memberi kesan yang positif kepada bakal pemimpin sekolah yang dilatih oleh Institut Aminuddin Baki? Tiada kajian dan data empirikal yang mencukupi bagi menjawab pertanyaan tersebut kerana pendekatan latihan ini hanya mula diguna pakai mulai ambilan 1 Tahun 2018. Keberkesanan latihan NPQEL sangat penting bagi menghasilkan bakal pemimpin berprestasi tinggi seperti dihasratkan dalam PPPM 2013-2025. Sehubungan dengan itu satu kajian keberkesanan program aras reaksi dan pembelajaran perlu dibuat untuk menentukan keberkesanan Program Latihan NPQEL 2.0.

Kata Kunci: Keberkesanan Program, Kompetensi, Pemimpin Sekolah, Reaksi, Pembelajaran

PENGENALAN

Transformasi pendidikan yang dihasratkan dalam PPPM 2013-2025 menuntut pemimpin sekolah untuk bersedia berhadapan dengan pelbagai dimensi yang menjadi cabaran dalam melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Seorang pemimpin sekolah yang berpengetahuan, kompeten dan bijaksana menjadi tunjang dalam mendorong murid dan guru ke arah kejayaan akademik dan pembinaan sikap yang baik (KPM, 2017). Dalam menjalankan tugas untuk mencapai matlamat pendidikan negara, keberkesanan pemimpin sekolah adalah sangat penting. Keberkesanan pemimpin sekolah terletak kepada kecekapan proses merancang dan melaksanakan tugas yang diamanahkan. Sekiranya pemimpin sekolah mengalami masalah untuk melaksanakan tugas, berkemungkinan mereka akan menghadapi kegagalan memainkan peranannya dengan cekap dan berkesan. Selari dengan pendapat Fullan (1991), sesuatu organisasi pendidikan dianggap tidak berkesan sekiranya perancangan dan pelaksanaan program pendidikan mengalami kegagalan. Tugas dan peranan yang perlu dilaksanakan oleh pengetua semakin mencabar dari sehari ke sehari kerana perkembangan pesat yang berlaku dalam sistem pendidikan sama ada di dalam mahupun di luar negara (Hussein, 2016).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari akan keperluan institusi sekolah perlu diterajui oleh pemimpin yang mempunyai kesediaan untuk membawa kecemerlangan selaras dengan Anjakan 5 PPPM 2013-2025 meletakkan pemimpin berprestasi tinggi di setiap sekolah. Maka mulai 1 Julai 2014, KPM telah meluluskan bahawa sijil NPQEL sebagai syarat mandatori bagi pelantikan PGB sekolah di bawah KPM merujuk kepada surat siaran Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia bertarikh 7 November 2013 (KPM, 2013). PPPM 2013-2025 mengesyorkan kriteria pemilihan PGB dari kriteria pemilihan berasaskan tempoh perkhidmatan kepada kriteria memfokuskan kecekapan kepimpinan. Menyahut amanat tersebut, IAB telah mengorak langkah untuk memastikan latihan dalam program NPQEL terus relevan dengan perkembangan dan kehendak pembangunan profesional semasa, dengan mengaplikasikan pendekatan baharu melalui pelaksanaan NPQEL 2.0.

PROGRAM LATIHAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 mengupayakan pelaksanaan inisiatif yang mendukung usaha mentransformasi sistem pendidikan kebangsaan secara menyeluruh. Dalam usaha ini, kerajaan komited untuk melaksanakan transformasi sistem pendidikan negara bagi melengkapkan warga pendidik dengan kemahiran dan pengetahuan yang terkini bagi menghadapi cabaran abad 21. Perancangan dan inisiatif strategik disusun ke arah mewujudkan satu sistem pendidikan yang menekankan kekuatan, kecekapan, kualiti, kelestarian dan kejayaan dalam tempoh yang telah ditetapkan iaitu pendidikan berkualiti menjelang tahun 2025.

Pelaburan dalam Pendidikan di Malaysia

Di Malaysia, kerajaan persekutuan merupakan pembiaya utama pendidikan negara seperti yang digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah perkara 12(1), 94(1) dan 132(1)(h). Setiap tahun kerajaan mengeluarkan peruntukan yang amat tinggi bagi sektor pendidikan yang bertindak sebagai pemangkin bagi membawa negara ke arah negara maju pada tahun 2020 (Arahan Pegawai Pengawal, 2018). Walaupun terpaksa bersaing dengan keperluan lain seperti kesihatan dan pertahanan yang juga melalui peruntukan daripada satu sumber iaitu tabung kerajaan pusat. Menurut Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (2016) pola pembiayaan Pendidikan akan terus meningkat, berikutan keperluan-keperluan untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti Pendidikan. Peningkatan dalam perbelanjaan mengurus dan pembangunan pendidikan ditunjukkan dalam Rajah 1.

Rajah 1: Perbelanjaan sebenar (2015-2017) dan Peruntukan (2018-2019) bagi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan KPM



Kerajaan Malaysia telah mengekalkan tahap pelaburan yang tinggi dalam pendidikan yang menunjukkan komitmen kerajaan terhadap pendidikan sebagai satu daripada keutamaan negara. Sejalan dengan itu memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit yang telah dilaburkan seperti tertera dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 anjakan kesepuluh untuk transformasi sistem pendidikan haruslah direalisasikan. Namun begitu peningkatan kemenjadian murid masih tidak sepadan dengan sumber yang telah disalurkan. Laporan Tahunan Prestasi KPM, menunjukkan outcome kemenjadian murid masih lagi rendah iaitu di bawah 70 % bagi sekolah rendah dan di bawah 50% bagi sekolah menengah seperti jadual 1.

Jadual 1: Prestasi Outcome Kemenjadian Murid

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Peratusan Tahap Minimum Pendidikan Rendah (%)	68.10	68.10	68.10
Peratusan Tahap Minimum Pendidikan Menengah (%)	36.79	36.00	37.00

Sumber: Laporan Tahunan KPM (2017)

Perubahan perlu berlaku terhadap individu dan organisasi yang melibatkan proses meningkatkan semangat, afektif, dan faktor-faktor intelektual untuk kemenjadian murid. Apa yang jelas, perubahan dilakukan bertujuan memperbaiki sistem pendidikan di semua peringkat dan kejayaannya mempunyai hubungan yang rapat dengan daya kepimpinan sekolah (Ghitulescu 2013). Oleh itu, sangat penting bagi pemimpin untuk mengamalkan ciri-ciri kepimpinan yang baik, berkesan dan cemerlang terhadap organisasi yang dipimpinnnya (Faizal 2017). Perkara ini sejajar dengan apa yang dinyatakan oleh Rahimah (2010),

iaitu sistem pendidikan memerlukan pemimpin yang berkaliber dalam mencapai impian dan wawasan negara.

Pembangunan Profesionalisme Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)

KPM telah memperuntukan sejumlah wang yang besar bagi pembangunan profesionalisme PPP yang bertujuan mempertingkatkan kemahiran, keyakinan dan sikap positif terutamanya dalam kalangan pemimpin dan bakal pemimpin pendidikan di peringkat sekolah, PPD, JPN dan Bahagian-bahagian melalui Program Latihan dalam perkhidmatan supaya tahap pengurusan dan kepimpinan lebih cekap dan berkesan. Jadual 2, menunjukkan jumlah peruntukan bagi latihan walaupun terdapat sedikit pengurangan dalam peruntukan kesan daripada senario ekonomi semasa, namun setiap tahun KPM akan memastikan sejumlah wang diperuntukan bagi tujuan latihan.

Jadual 2: Anggaran Peruntukan Pembangunan Profesionalisme PPP

	2018	2019
	RM	RM
Latihan Pra Perkhidmatan	727,209,400	648,855,100
Latihan Dalam Perkhidmatan	30,074,100	27,492,600
Latihan Kepemimpinan	80,459,800	79,679,600
Jumlah Peruntukan Pembangunan Profesionalisme	837,743,300	755,934,300

Sumber: Laporan Tahunan KPM (2017)

Walaupun peruntukan bagi program pembangunan profesionalisme disalurkan setiap tahun, namun Laporan Outcome bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang kompeten dan berprestasi tinggi menunjukkan peratusan PPP yang melepasi tahap kompetensi Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) masih di bawah 85%. Manakala Peratusan Peratusan Peserta Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan yang mencapai piawaian tahap kompetensi yang ditetapkan masih di bawah 95% bagi tahun 2017. Prestasi ini ditunjukkan dalam jadual 3:

Jadual 3: Prestasi Outcome Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang Kompeten dan Berprestasi Tinggi

	2017	2018	2019
	(Sebenar)	(Sasaran)	(Sasaran)
Peratusan PPP yang melepasi tahap kompetensi Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) (%)	81.00	88.00	88.00

Peratusan Peserta Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan yang mencapai piawaian tahap kompetensi yang ditetapkan (%)	91.70	93.00	94.0
--	-------	-------	------

Sumber: Laporan Tahunan KPM (2017)

Program NPQEL

Peranan pemimpin pendidikan dalam melestarikan kecemerlangan pendidikan memerlukan sokongan dalam bentuk pembangunan profesional yang berterusan. IAB sebagai Institusi Latihan Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan terulung negara bertanggungjawab menyediakan bekalan pemimpin pelapis yang mencukupi untuk penggantian pemimpin sekolah secara *back to back*. Latihan kepimpinan ini dilaksanakan melalui Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan atau lebih dikenali sebagai Program Latihan NPQEL (*National Professional Qualification for Educational Leaders*) yang merupakan satu-satunya program di peringkat kebangsaan bagi melatih pemimpin pelapis di sekolah. Jadual 4 menunjukkan bilangan peserta NPQEL yang telah dilatih di IAB.

Jadual 4: Bilangan Peserta NPQEL

Bil	Program	Tahun	Sek Menengah	Sek Rendah	Jumlah
1	NPQH Kohort 1-11	1999-2007	838	775	1,613
2	NPQEL	2008-2014	1,338	1,392	2,730
3	NPQEL	2015	493	889	1,382
4	NPQEL	2016	433	1,247	1,680

Sumber: Unit Penyelaras Program IAB

Data unjuran kekosongan jawatan pemimpin sekolah bagi tahun 2018 hingga 2022 ialah 4,237 orang yang disebabkan bersara wajib (MPPS, 2018) menunjukkan ada keperluan untuk melaksanakan latihan NPQEL setiap tahun. Berdasarkan tanggungjawab yang diberikan dan data keperluan pemimpin pelapis menunjukkan keperluan pelaksanaan latihan NPQEL tidak dapat dinafikan. Pelaksanaan program NPQEL juga telah menerima reaksi positif dan merupakan petunjuk bahawa program NPQEL berlangsung dengan baik. Kemampuan peserta telah diperlihatkan dalam menggalas tugas dan tanggungjawab sebagai peneraju pentadbiran sekolah (IAB, 2014). Kajian-kajian ini juga menjustifikasikan kesesuaian dasar KPM yang memastikan hanya Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang benar-benar layak sahaja menyandang jawatan utama pentadbiran sekolah. Program NPQEL ini didapati amat relevan bagi memenuhi tuntutan kepimpinan sekolah masa kini dan perlu diteruskan bagi memastikan pencapaian hasrat dan aspirasi negara melalui PPPM 2013-2025 (Kamaruzaman, 2013). Kepemimpinan pendidikan sering dikaitkan dengan proses pembangunan modal insan yang berkualiti (Ibrahim, 2002) yang bermaksud individu tersebut bukan sahaja berteraskan ilmu pengetahuan, kemahiran, inovatif dan intelektual tetapi berbudaya progresif.

NPQEL 2.0

Pemimpin sekolah bertanggungjawab mencorakkan kecemerlangan sekolah dan kemenjadian murid. Oleh itu IAB perlu memastikan program NPQEL adalah relevan dengan perubahan pesat dalam pendidikan. NPQEL mengalami satu reformasi melalui pelaksanaan NPQEL versi 2018 atau NPQEL 2.0. Kurikulum NPQEL 2.0 dibentuk berdasarkan kerangka NPQEL 2.0 yang digubal untuk membangunkan sepuluh kompetensi pemimpin pendidikan. Pendekatan kaedah penyampaian latihan menggunakan model pembelajaran dan pembangunan 70:20:10 oleh Mc Call, Lombardo & Eichinger (1996). NPQEL 2.0 telah mula dilaksanakan mulai ambilan 1 tahun 2018 selama 3 minggu dalam mod e-NPQEL dan 12 minggu mod bersemuka dan di lapangan.

NPQEL 2.0 bermula dengan mod latihan dalam talian selama 3 minggu. Pengetahuan dan kemahiran dalam e-NPQEL akan diterjemahkan atau dinilai dalam pelaksanaan aktiviti bersemuka. Aktiviti bersemuka mengukur pembelajaran dalam e-NPQEL ialah Pembentangan Eksekutif berdasarkan lima tema iaitu Berwawasan, Memimpin Perubahan, Memimpin Pembelajaran, Membangun Kapasiti dan Membina Jaringan dan Jalinan. Pengetahuan, kemahiran dan nilai samada daripada latihan atau pengalaman juga akan dilestarikan melalui pelaksanaan aktiviti lapangan iaitu Jalinan Pintar Korporat, Lawatan Penandaarasan di Institusi Swasta, Amali Protokol dan Etiket, Perantisan 1 serta pelaksanaan intervensi dalam Perantisan 2. 10 kompetensi akan diukur sepanjang latihan iaitu Berfikiran Strategik, Menyelesai Masalah, Mengurus Perubahan, Membuat keputusan, Memimpin Pembelajaran, Membangun Kapasiti, Membina Jaringan dan Jalinan, Berkomunikasi Berkesan, Berkeimpinan dan Berkeperibadian Tinggi.

RUMUSAN

Kajian keberkesanan program latihan perlu dilaksanakan kerana dapat memberi input kepada pusat latihan dalam melaksanakan latihan yang berkesan dan memberi impak terutamanya berkaitan pendekatan dan kurikulum yang diguna pakai. Dapatan kajian dapat dijadikan panduan dalam membuat penambahbaikan bagi memaksimumkan pulangan atas pelaburan. Kajian Keberkesanan pelaksanaan Program NPQEL 2.0 penting bagi memastikan latihan yang diberikan kepada bakal peneraju sekolah adalah signifikan dan relevan dengan perkembangan pendidikan. Roselena dan Izham, (2015) menyatakan kajian-kajian lalu menunjukkan pemimpin adalah penyumbang utama kepada kecemerlangan organisasi. Hanya pemimpin yang kompeten dapat mengurus organisasinya dengan berkesan. Kenyataan ini selari dengan McNair, Duree dan Ebbers, (2011) dalam kajian mereka mendapati pemimpin pendidikan perlu mempunyai kemahiran dan kompetensi bagi menghadapi cabaran memimpin dan mengurus institusi masa kini. Pendapat ini disokong oleh Eddy (2013) dalam kajian beliau mendapati kompetensi kepimpinan boleh dibangunkan melalui latihan, pemerolehan ilmu pengetahuan dan pengalaman sepanjang perkhidmatan di organisasi. Beliau menambah, hanya pemimpin yang kompeten sahaja yang dapat mencapai hasil yang memuaskan melalui kepimpinannya.

Sehubungan dengan itu kajian penilaian keberkesanan Program Latihan NPQEL 2.0 menggunakan Model Kirkpatrick berfokus kepada aras reaksi dan pembelajaran perlu dilaksanakan. Dapatan kajian dapat memberi maklumat berkaitan kekuatan dan kelemahan program NPQEL secara terperinci dan membantu dalam membuat keputusan yang semakin jitu dan tepat dengan pasti. Sebarang kelompangan atau penambahbaikan perlu diambil tindakan segera kerana kesilapan atau kekurangan dalam pelaksanaan Program NPQEL akan menjejaskan pembangunan kompetenssi PGB yang secara tidak langsung akan terparap kepada tindakan dan keputusan yang dilaksanakan apabila mereka memimpin sekolah dan impaknya kepada kemenjadian murid.

Namun begitu, tempoh masa yang terhad dan peserta NPQEL yang dilatih menggunakan versi 2.0 bagi ambilan 2019 belum lagi dilantik sebagai pengetua atau guru besar atau jika sudah dilantik tempoh menjawat jawatan tidak sampai setahun, maka impak latihan tidak dapat dinilai. Jika kajian impak dapat dibuat inputnya adalah lebih bernilai dalam melihat semula dasar latihan bagi pemimpin pendidikan. Namun begitu dapatan kajian ini nanti sangat berguna dalam penambahbaikan operasi, pendekatan dan kurikulum latihan NPQEL.

RUJUKAN

- Chua, Y.P. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.
- Cohen, J., (1992). *Statistical power analysis. Current Directions in Psychological Science*, 1(3), 98-101.
- Creswell, J.W., (2013)/ *Research Design. Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approach*. Los Angeles: SAGE Publications, Ltd.
- Eddy, P.L. (2013). *Developing leaders: The role of competencies in rural community colleges*. *Community College Review* 41(1), 20-43.
- Fullan, M., & Stiegelbauer, S., (1991). *The New Meaning Of Educational Change*. 2nd ed. New York: Teachers College Press.
- Guskey, T.R., (2002). *Evaluating professional development*. California: Corwin Press, Inc.
- Hatfield J, et al., (2011). *Center for Army Leadership Annual Survey of Army Leadership (CASAL): Army Education. Technical Report 2011-2. The Center For Army Leadership, Fort Leavenworth, Kansas*.
- Hussein Mahmood, (2016). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. (Edisi kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Institut Aminuddin Baki, (2012). *Panduan Pelaksanaan Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL)*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Institut Aminuddin Baki, (2018). *Panduan Pelaksanaan Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL)*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, (2018). *Arahan Pegawai Pengawal*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, (2013). *Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, (2017). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 Laporan Tahunan 2017*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Kewangan Malaysia, (2018). *Belanjawan 2019*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional (M) Berhad.
- Kirkpatrick, D. L. & Kirkpatrick, J. D., (2005a). *Evaluating Training Programs*. Ed. ke-3. San Francisco: Berret-Koehler Publishers Inc.
- Kirkpatrick, D. L. & Kirkpatrick, J. D., (2005b). *Transferring Learning To Behavior – Using The Four Levels To Improve Performance*. San Francisco: Berret-Koehler Publishers Inc.

- Kirkpatrick, D. L., (1975). *Evaluating Training Programs*. Wisconsin: American Society for Training and Development Inc.
- Lombardo et al., (1996). *The Career Architect Development Planner (1st ed.)*. Minneapolis: Lominger
- McNair et al., (2011). *If I knew then what I know now: Using the leadership competencies developed by the American Association of Community Colleges to prepare community college presidents*. *Community College Review* 39(1): 3-25.
- Roselena & Izham, (2015). *Kepimpinan Berkualiti: Perspektif mengenai Kompetensi yang Diperlukan untuk Memimpin dengan Berkesan*, *Jurnal Pengurusan* 45(2015,) 143 – 154.